



## **BAB DUA**

### **TINJAUAN**

### **KAJIAN BERKAITAN**

## **BAB DUA**

### **TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN**

#### **2.0 Pendahuluan**

Kata nama merupakan salah satu daripada unsur utama dalam kategori perkataan atau al-kalimat (الكَلِمَةُ) mengikut pembahagian golongan perkataan bahasa Arab, iaitu kata nama (الاسْمُ), kata kerja (الفِعْلُ) dan partikel (الحَرْفُ). Penguasaan kata nama bahasa Arab khususnya di kalangan pelajar peringkat menengah rendah perlu seiring dengan penguasaan golongan-golongan kata yang lain dan kemahiran berbahasa yang empat iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis kerana setiap aspek ini adalah saling berkait antara satu sama lain.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya membataskan perbincangan dan huraian pembahagian kata nama dari beberapa aspek tertentu sahaja, iaitu pembahagian kata nama dari segi ketentuan (التَّعْيِينُ), bilangan (العَدَدُ) dan gender (النَّوْعُ), yang mana bersesuaian dengan tahap pembelajaran dan penguasaan bahasa Arab di peringkat menengah sebagai bahasa kedua atau bahasa asing dan mata pelajaran elektif. Oleh itu, huraian yang berkaitan pembahagian kata nama dari aspek-aspek yang telah ditentukan dibincangkan merangkumi definisi, syarat-syarat dan contoh-contoh yang berkaitan.

#### **2.1 Kajian Penyelidik Tempatan Berkaitan Penguasaan Bahasa Arab**

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik tempatan mengenai penguasaan bahasa Arab di negara Malaysia yang meliputi pelbagai aspek bahasa

termasuklah fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, kemahiran berbahasa dan sebagainya.

Hasil sorotan kajian, penyelidik mendapati secara keseluruhannya kajian-kajian ini menjurus kepada satu matlamat utama iaitu untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun universiti.

Saifuddin Hussin (2000) telah menjalankan kajian mengenai “Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Tingkatan Tiga : Satu Kajian Kes Di SMKA Negeri Melaka”, meninjau sejauhmana penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu tingkatan tiga. Kategori perbendaharaan kata yang dikaji merangkumi kata nama, kata kerja, kata tugas, ungkapan, struktur ayat, sebutan dan bilangan dengan menggunakan 30 set karangan pelajar dalam peperiksaan percubaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 1999, sebagai instrumen kajian di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Negeri Melaka iaitu SMKA Sultan Muhammad dan SMKA Sharifah Rodziah.

Hasil kajian beliau dengan membuat perbandingan antara perbendaharaan kata dalam kertas jawapan pelajar yang menjawab soalan perbualan dan buku teks, menunjukkan penggunaan perbendaharaan kata pelajar adalah rendah iaitu sebanyak 3.6% sahaja berbanding dengan perbendaharaan kata yang diajar dalam buku teks.

Khalid Mohd Latif (2004) dalam kajiannya “Pencapaian Pelajar Kelas Aliran Agama Dalam Aspek Pertuturan Bahasa Arab : Satu Kajian Kes”, membuat pemerian tentang tahap pencapaian pelajar-pelajar tersebut dalam aspek pertuturan bahasa Arab dan

mengenal pasti kaedah pengukuran yang digunakan di sekolah untuk menilai pencapaian pelajar dalam aspek berkenaan.

Hasil kajiannya melalui instrumen ujian lisan, soal selidik pelajar dan soal selidik guru, mendapati pencapaian pelajar dalam aspek pertuturan Bahasa Arab berada pada tahap sederhana. Malahan ada di kalangan pelajar yang tidak mampu untuk menguasai ungkapan yang paling asas dalam perbualan Bahasa Arab. Situasi ini terjadi berikutan pelajar kurang menguasai kosa kata bahasa Arab dan tidak pernah diberi galakan oleh guru untuk menggunakan bahasa Arab dalam perbualan harian.

Tuan Rashid Tuan Mat (2000) dalam kajiannya “Penguasaan Kata Ganti Nama Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar-Pelajar Di SMKA”, membincangkan kata ganti nama dalam bahasa Arab merangkumi jenis-jenis kata ganti nama bahasa Arab, bentuk, ciri, keistimewaan sesuatu kata ganti nama untuk menyingkap sejauhmana penguasaan 60 orang pelajar tingkatan lima terhadap kata ganti nama bahasa Arab. Kajian dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Falahiah Wakaf Bharu dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Naim Kota Bharu yang mewakili sekolah di bandar. Manakala Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Wataniah Machang mewakili sekolah pinggir bandar.

Dapatan kajian menerusi instrumen soal selidik pelajar, temu bual pelajar, penulisan pelajar dan pemerhatian memaparkan tahap penguasaan pelajar terhadap kata ganti nama secara keseluruhannya di ketiga-tiga buah sekolah, berdasarkan peratusannya yang tertinggi berada pada tahap sederhana.

Nor Aida Salleh (2003) dalam kajiannya “Pola Kata Nama Jamak Dan Penggunaannya Dalam Bahasa Arab”, menilai pemahaman dan pengetahuan 100 orang pelajar tingkatan enam bawah yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia di Sekolah Maahad Muhammadi Perempuan Pasir Pekan. Tumpuan kajian penulis menjurus kepada jenis pola-pola kata nama jamak dan penggunaannya dalam bahasa Arab.

Hasil kajian menerusi instrumen soal selidik yang mengandungi soalan-soalan berkaitan kata nama jamak, menunjukkan 23% pelajar mendapat pangkat A, 26% pelajar mendapat pangkat B, 22% pelajar mendapat pangkat C, 20% pelajar mendapat pangkat D dan 9% pelajar mendapat pangkat E. Penyelidik juga mendapati pelajar tidak dapat membezakan sama ada sesuatu perkataan boleh membentuk kata nama jama' taksi:r atau kata nama jama' mudhakkir sa:lim. Malahan ada di kalangan mereka yang tidak dapat membezakan antara perkataan mudhakkir dan mu'annath.

Sahabudin Salleh (2003) dalam kajiannya “Masalah Penguasaan Bahasa Arab Komunikasi Di Kalangan Pelajar Melayu : Satu Kajian Kes”, mengupas masalah penguasaan struktur komunikasi bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu di UiTM. Tahap pelajar dinilai menerusi beberapa ujian sebenar sepanjang semester mencakupi lisan individu, lisan kumpulan, imlak, bacaan, mendengar dan bertulis.

Dapatan kajian beliau menunjukkan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab di UiTM tidak dapat menguasai kemahiran bertutur dengan baik, walaupun mereka berjaya menjawab soalan bertulis. Berdasarkan jawapan pelajar dalam ujian bertulis, terdapat beberapa kelemahan dalam beberapa aspek, antaranya kekeliruan tentang

pertukaran serta penggunaan ganti nama dalam bahasa Arab, masalah pemilihan kosa kata yang betul, kesalahan ejaan dan sebagainya.

## **2.2 Definisi Kata Nama**

Kata Nama merupakan salah satu unsur yang terdapat dalam tatabahasa sesuatu bahasa yang tergolong dalam golongan morfologi. Menurut pendapat Hashim Musa (1987: 11), sesuatu bahasa mempunyai banyak perkataan sehingga terbentuk beribu-ribu atau beratus-ratus ribu perkataan yang boleh dikelaskan perkataan tersebut dalam kepada beberapa kelas perkataan seperti kata nama, kata kerja, kata objektif dan kata tugas.

Kata nama dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002:584) didefinisikan sebagai kata yang menyatakan nama seseorang, sesuatu benda, atau tempat. Misalnya: guru, rumah, ladang dan lain-lain.

Manakala menurut pandangan Asmah Omar (1980:25), kata nama adalah :

*“subgolongan kata benda yang boleh berfungsi pada subjek dan objek ayat dan dari segi makna adalah kata yang merujuk kepada sesuatu baik yang bernyawa atau tidak bernyawa, konkrit atau abstrak”.*

Menurut Nik Safiah Karim (1997:85-86), beliau berpendapat :

*“golongan kata nama merangkumi sejumlah perkataan yang boleh menjadi unsur inti pada binaan frasa nama yang lazimnya kata inti menamakan orang, tempat atau benda dan boleh dipecahkan pula kepada subgolongan berdasarkan ciri-ciri semantik pada perkataannya”.*

Manakala kata nama dalam bahasa Arab menurut ahli-ahli nahuan Arab seperti Musṭafa al-Ghala:yi:niy (2005:1:8), Alḥamad al-Hāmla:wi (t.t:4) Ibn al-Sira:j (1999:1:36) merupakan salah satu golongan daripada golongan perkataan (الكَلِمَةُ) iaitu kata nama (الاسْمُ), kata kerja, (الفِعْلُ) dan partikel (الحَرْفُ).

Musṭafa al-Ghala:yi:niy (2005:1:8) mendefinisikan kata nama sebagai:

"الاسْمُ مَا دَلَّ عَلَى مَعْنَى فِي نَفْسِهِ غَيْرَ مُقْتَرِنٍ بِزَمَنِ: كَخَالِدٍ وَفَرَسٍ وَعُصْفُورٍ وَدَارٍ وَحِنْطَةٍ

وَمَاءٍ".

*“Kata nama ialah perkataan yang menunjukkan makna dengan sendirinya tanpa mengandungi unsur masa”.*

‘Abba:s Ḥassan (t.t:1:26) pula, menjelaskan kata nama :

"الاسْمُ كَلِمَةٌ تَدُلُّ بِذَاتِهَا عَلَى شَيْءٍ مَحْسُوسٍ مِثْلُ بَيْتٍ، نُحَاسٍ، جَمَلٍ أَوْ شَيْءٍ غَيْرِ

مَحْسُوسٍ، يُعْرَفُ بِالْعَقْلِ مِثْلُ شَجَاعَةٍ، مُرْوَةٍ، شَرَفٍ وَهُوَ فِي الْحَالَتَيْنِ لَا يَقْتَرِنُ بِزَمَنِ"

*“Satu perkataan yang menunjukkan dengannya sesuatu yang dapat dicapai oleh pancaindera seperti rumah, tembaga, unta ataupun sesuatu yang tidak dapat dicapai oleh pancaindera hanya boleh diketahui melalui pemikiran seperti keberanian, kehormatan, kemuliaan dan kata nama dalam dua keadaan ini tidak mengandungi unsur masa”.*

Manakala ‘Azi:zaṭ Fawwa:l Ba:bati: (1992:1:91), mendefinisikan kata nama sebagai sesuatu yang menunjukkan makna dengan sendirinya tanpa mengandungi unsur masa

al-Ma:dī (الماضي), al-Mudā'irī (المضارع) atau al-'Amr (الأمر) seperti rumah, pokok dan sebagainya. Kesimpulannya, kata nama adalah sesuatu perkataan yang merujuk dan memberi maksud tentang manusia, haiwan, benda, tempat, sifat dan sebagainya sama ada berbentuk konkrit atau abstrak yang tiada kaitan dengan masa tertentu.

### 2.3 Ciri-Ciri Kata Nama Bahasa Arab

Terdapat beberapa ciri kata nama bahasa Arab yang membezakannya dengan unsur-unsur lain dalam golongan kata bahasa Arab. Penyelidik akan mengemukakan beberapa pandangan ahli-ahli bahasa Arab berkaitan ciri-ciri tersebut, antaranya :

2.3.1 Kata nama digenitifkan (الجر) melalui salah satu daripada cara berikut :

2.3.1.1 Kata nama yang terletak selepas huruf jarr. Contoh :

أَمْشِي بِصَدِيقِي (Saya berjalan dengan rakan saya)

→ Perkataan (صَدِيقٌ) menjadi genitif (مَجْرُورٌ) dengan huruf jarr sebelumnya, iaitu huruf ba: (الباء).

2.3.2.2 Kata nama menjadi mudā'if ilai:h (مُضَافٌ إِلَيْهِ) semasa idā'afā (الإضافة), iaitu

menyandarkan sesuatu nama pada nama yang lain supaya ia menjadi nama yang ma'rifat. Contoh :

طَلَبْتُ مَرْضَاةَ اللَّهِ (Saya mencari keredhaan Allah)

→ Perkataan (مَرْضَاةٌ) menjadi majru:r (مَجْرُورٌ) dengan idā'afā.

2.3.2.3 Kata nama menjadi ta:bi' (تَابِعٌ) kepada ism majru:r iaitu perkataan yang



mengikuti perkataan yang sebelumnya. Contoh :

مَرَرْتُ بِالرَّجُلِ الْكَرِيمِ ( Saya berjalan dengan seorang lelaki yang mulia)

- Perkataan (الكَرِيمِ) menjadi genitif (مَجْرُورٌ) dengan perkataan sebelumnya, ( بِالرَّجُلِ ) yang didahului oleh huruf jar iaitu fonem ba:' (ب).

2.3.2 Menerima kemasukan fonem alif dan la:m (/ل/،/ا/). Contoh :

الْجَامِعَةُ (universiti itu)

- Perkataan (الْجَامِعَةُ) didahului oleh fonem alif dan la:m (/ل/،/ا/).

2.3.3 al-Muna:da, iaitu kata nama yang terletak selepas kata seru atau huruf nida:'

iaitu (أ، أي، يا، آ، أيًا، هيّا، وَا). Contoh :

يَا نَوَالُ (Wahai Nawal)

- Perkataan (نَوَالُ) adalah kata nama yang terletak selepas kata seru (يَا).

2.3.4 Kata nama yang tidak menerima kemasukan (قَدْ) dan (سَوْفَ). Contoh :

قَدْ الْمُهَنْدِسُ (telah seorang jurutera)

سَوْفَ النَّهْرِ (akan sebatang sungai)

- Perkataan (قَدْ) dan (سَوْفَ) tidak digunakan sebelum kata nama.

2.3.5 Menerima tanwi:n, iaitu nu:n mati yang ditambah di akhir perkataan, tetapi tidak dizahirkan dari segi tulisan dan hanya diberi tanda :

- a) baris dua di depan (-ُ-- ) atau d□ammata:n (ضَمَّتَانِ), contohnya :

صَالِحٌ

- b) baris dua di bawah (-و-- ) atau kasrata:n (كَسْرَتَانِ), contohnya :

صَالِحٍ

- c) baris dua di atas (-وْ-- ) atau fathāta:n (فَتْحَتَانِ), contohnya :

صَالِحًا

Tanwi:n terbahagi kepada 4 jenis, iaitu :

#### 2.3.5.1 (الْتَّمَكِينُ)

Tanwi:n yang mengiringi kata nama mu‘rab (مُعْرَبٌ), iaitu berlaku perubahan baris pada

huruf akhir perkataan tersebut. Contoh :

سَلَّمْتُ عَلَى مُؤْمِنٍ (Saya memberi salam kepada seorang mukmin)

Perkataan (مُؤْمِنٍ) adalah mu‘rab dan menjadi genitif selepas didahului oleh huruf jar.

#### 2.3.5.2 (المُقَابَلَةُ)

Tanwi:n yang mengiringi Jama‘ Mu‘annath Sa:lim semasa fleksi nominatif dan genitif, sebagai berpadanan dengan Jama‘ Mudhakkar Sa:lim dalam kedua-dua keadaan tersebut. Contoh :

(صَالِحَاتٍ)

Tanwi:n pada huruf akhir Jama‘ Mu‘annath Sa:lim (ت) ini, berpadanan dengan huruf nu:n pada Jama‘ Mudhakkar Sa:lim (صَالِحِينَ), semasa fleksi nominatif dan genetif.

### 2.3.5.3 (التَّنْكِيرُ)

Tanwi:n yang dimasukkan ke dalam sesetengah ism mabniyy (kata nama yang tidak berubah baris huruf akhirnya) untuk membezakannya daripada kata nama Ma‘rifat dan kata nama Nakirat. Jika tanwi:n dimasukkan dalam ism mabniyy, kata nama tersebut menjadi nakirat. Contoh :

أَمْشِي بِسَيِّبَيْهِ وَبَوَيْهِ وَسَيِّبَيْهِ آخِرٍ

(Saya berjalan dengan Si:bawayh dan Si:bawayh yang lain)

→ Dari segi fleksi atau i‘ra:b, Si:bawayh yang pertama adalah mabniyy kerana beliau adalah kata nama khas iaitu seorang pakar nahu bahasa Arab yang terkenal. Manakala Si:bawayh yang kedua adalah nama bagi individu lain yang serupa pada nama kedua-duanya.

### 2.3.5.4 (الْعَوَاضُ)

Tanwi:n yang mengiringi sesetengah perkataan yang digugurkan sama ada huruf atau perkataan dan diganti dengan tanwi:n tersebut. Contoh :

هَذَا قَاضٍ (Ini seorang qadhi)

→ Huruf akhir pada perkataan ini ialah huruf ya:’ (قَاضِي) yang telah digugurkan dan digantikan dengan tanwi:n kasrata:n (-ِي).

2.3.6 Kata nama yang boleh dijadikan bilangan dua (الْمُتَّيِّ) dan jama‘ (الْجَمْعُ).

Contoh :

Kata Nama Tunggal

جِذَاءٌ

(sepasang kasut)

Kata Nama Dua

جِذَاءَانِ

(dua pasang kasut)

Kata Nama Tunggal

جَامِعَةٌ

(sebuah universiti)

Kata Nama Jama'

جَامِعَاتٍ

(banyak universiti)

2.3.7 Kata nama yang boleh ditasghirkan (التَّصْغِيرُ), iaitu kata nama yang memberi maksud perkataan itu adalah kecil. Contoh :

شَجَرَةٌ (sepohon pokok) → شَجِيرَةٌ (sepohon pokok kecil)

## 2.4 Pembahagian Kata Nama Bahasa Arab

Terdapat beberapa pembahagian kata nama bahasa Arab seperti yang telah diklasifikasikan oleh ahli-ahli nahuan Arab sejak dahulu lagi berdasarkan aspek-aspek yang tertentu. Bagaimana pun dalam kajian ini, penyelidik akan memfokuskan dan menghuraikan pembahagian kata nama bahasa Arab kepada 3 bahagian sahaja iaitu dari aspek ketentuan, bilangan dan gender yang bersesuaian dengan tahap pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah rendah.

## 2.5 Pembahagian Kata Nama Dari Aspek Ketentuan

Kata nama bahasa Arab dari segi ketentuannya (التَّعْيِينُ) terbahagi kepada 2 bahagian

iaitu, al-Nakirat (النَّكِرَةُ) dan al-Ma‘rifat (المَعْرِفَةُ).

### 2.5.1 al-Nakirat (النَّكِرَةُ)

al-Nakirat ialah kata nama tidak definit (Kamus Dewan, 2006:2433). Al-Hashimiy (1998:61) pula, mendefinisikan al-Nakirat sebagai semua kata nama yang menyeluruh yang tidak ditentukan untuk menentukan sesuatu kata nama tersebut seperti (رَجُلٌ) seorang lelaki. Dalam contoh di atas, seorang lelaki iaitu mana-mana lelaki yang tidak ditentukan lelaki tertentu. Dengan ini al-Nakirat memberi makna am dan tidak menerima penambahan fonem alif dan la:m (/ل/،/ا/) di awal perkataan.

al-Nakirat terbahagi pula kepada 2 jenis, iaitu :

2.5.1.1 Kata nama yang boleh menerima fonem alif dan fonem la:m (/ل/،/ا/) . Contoh :

شَبَابٌ (seorang pemuda)

سَاعَةٌ (seutas jam)

→ Kedua-dua perkataan ini boleh menerima fonem alif dan la:m (الشَّبَابُ، السَّاعَةُ) .

2.5.1.2 Kata nama nakirat yang terletak pada kedudukan yang boleh menerima fonem alif dan fonem la:m (/ل/،/ا/). Contoh :

(دُو) yang membawa maksud (صَاحِبٌ), iaitu yang mempunyai.

→ Perkataan (صَاحِبٌ) boleh menerima fonem alif dan la:m (الصَّاحِبُ)

## 2.5.2 al-Ma‘rifat (المَعْرِفَةُ)

‘Azi:zaṭ Fawwa:l Ba:baṭi: (1992:2:1027) mendefinisikan al-Ma‘rifat :

"اسْمٌ يَدُلُّ عَلَى شَيْءٍ مُّعَيَّنٍ، مِثْلُ الْكِتَابِ أَوْ شَخْصٍ مُّعَيَّنٍ، مِثْلُ الرَّجُلِ أَوْ حَيَوَانٍ مُّعَيَّنٍ،

مِثْلُ الْكَلْبِ"

*“Kata nama ialah yang menunjukkan sesuatu yang tertentu, atau orang tertentu, atau haiwan tertentu”.*

Kata Nama Ma‘rifat terbahagi kepada beberapa jenis, antaranya:

### 2.5.1.3 al-D‘ami:r (الضَّمِيرُ)

Musṭafā al-Ghala:yi:niy (2005:1:88) mendefinisikan al-D‘ami:r sebagai:

"مَا يُكْنَى بِهِ عَنْ مُتَكَلِّمٍ أَوْ مُخَاطَبٍ أَوْ غَائِبٍ، فَهُوَ قَائِمٌ مَّقَامَ مَا يُكْنَى بِهِ عَنْهُ، مِثْلُ

(أَنَا وَأَنْتَ وَهُوَ) وَكَالْتَاءِ (كَتَبْتُ) وَكَالْوَاوِ مِنْ (يَكْتُبُونَ)"

*“Apa yang digelarkan untuk pengucap sebagai kata ganti nama diri pertama (mutakallim), atau orang yang diucapkan perkataan kepadanya sebagai kata ganti nama diri kedua (mukhadṭab) atau orang yang diucapkan tentangnya sebagai kata ganti nama diri ketiga (gha:’ib)”.*

Contoh :

أَنَا مُجْتَهِدٌ (Saya seorang yang rajin)

أَنْتُمَا مُجْتَهِدَانِ (Awak berdua orang yang rajin)

هُم مُجْتَهِدُونَ (Mereka orang yang rajin)

#### 2.5.1.4 Ism al-‘Alam (اسْمُ الْعَلَمِ)

Kata nama yang menunjukkan sesuatu tertentu mengikut kedudukannya tanpa memerlukan sebarang petunjuk, seperti nama seseorang, nama tempat, nama negara, nama sungai, nama kaum, nama laut dan sebagainya.

(Musṭafā al-Ghala:yi:niy, 2005:1:84).

Kata nama ini terbahagi kepada 4 jenis, iaitu :

a) Kata Nama Khas Tunggal (اسْمُ الْعَلَمِ الْمَفْرَدِ)

Kata Nama Khas Tunggal untuk seseorang, bukannya perkataan murakkab iaitu perkataan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua perkataan. Contoh:

أَمِينٌ (nama seorang lelaki)

نَوَالٌ (nama seorang perempuan)

b) Murakkab Idṭa:fiyy, (مُرَكَّبٌ إِضَافِيٌّ) iaitu satu perkataan yang disandarkan kepada

perkataan lain yang berlainan makna antara kedua-duanya dan membentuk satu perkataan baru. Contoh :

عَبْدُ الرَّحْمَنِ (nama seorang lelaki)

→ Perkataan ini terdiri daripada dua perkataan yang berlainan iaitu (عَبْدٌ) dan (الرَّحْمَنِ).

Kedua-dua perkataan ini dicantumkan menjadi satu perkataan baru, membentuk

(عَبْدُ الرَّحْمَنِ).

- c) Murakkab Mazjiyy (مُرَكَّبٌ مَزْجِيٌّ) , iaitu dua perkataan yang berasingan dari segi makna dan dicantumkan menjadi satu perkataan. Contoh :

بَعْلَبِكَ

- Perkataan ini terdiri daripada dua perkataan iaitu (بَعْل) dan (بِكَ). Kemudian kedua-dua perkataan ini dicantumkan dan membentuk satu perkataan baru, iaitu (بَعْلَبِكَ).

- d) Murakkab Isna:diyy (مُرَكَّبٌ إِسْنَادِيٌّ) , iaitu dua perkataan yang terdiri daripada kata kerja dan digabungkan membentuk satu perkataan. Contoh :

تَأَبَّطَ شَرًّا

- Perkataan ini terdiri daripada dua kata kerja iaitu (تَأَبَّطَ) dan (شَرًّا).

#### 2.5.1.5 Kata Tunjuk (اسْمُ الْإِشَارَةِ)

Kata yang menunjukkan ke atas sesuatu dengan perantaraan Kata Tunjuk. Mustafa al-Ghala:yi:niy (2005:1:96) mendefinisikan Kata Tunjuk sebagai :

*“Kata yang menunjukkan sesuatu melalui isyarat tangan dan sebagainya sama ada perkara yang ditunjukkan itu konkrit atau melalui isyarat maknawi bagi perkara yang bersifat abstrak”.*

Contoh :

هَذِهِ مَكْتَبَةُ الْجَامِعَةِ (Ini perpustakaan universiti)

Kata Tunjuk tersebut seperti dalam Jadual 2.1 di bawah :



Jadual 2.1 : Senarai Kata Tunjuk Semasa Fleksi Nominatif, Akusatif Dan Genetif

Bil	Nominatif (الْمَرْفُوعُ)	Akusatif (الْمَنْصُوبُ)	Genetif (الْمَجْرُورُ)	Penggunaan
1	ذَا	ذَا	ذَا	seorang lelaki
2	ذَانِ	ذَيْنِ	ذَيْنِ	dua orang lelaki
3	ذِهِ	ذِهِ	ذِهِ	seorang perempuan
4	تِهِ	تِهِ	تِهِ	seorang perempuan
5	تَانِ	تَيْنِ	تَيْنِ	dua orang perempuan
6	أَوْلَاءُ	أَوْلَاءُ	أَوْلَاءُ	ramai lelaki dan perempuan berakal atau tidak berakal
7	أَوْلَى	أَوْلَى	أَوْلَى	ramai lelaki dan perempuan berakal atau tidak berakal

Terdapat juga Kata Tunjuk untuk menunjukkan tempat sama ada dekat, sederhana jauh dan sangat jauh seperti berikut :

Jadual 2.2 : Senarai Kata Tunjuk Untuk Tempat Dekat, Sederhana Jauh Dan Sangat Jauh

Bil	Kata Tunjuk	Penggunaan
1	هُنَا	untuk menunjukkan tempat yang dekat (di sini)

Jadual 2.2, sambungan

2	هُنَاكَ	untuk menunjukkan tempat yang sederhana jauh (di sana)
3	هُنَالِكَ	untuk menunjukkan tempat yang sangat jauh (di sana)
4	هُنْمَ	untuk menunjukkan tempat yang jauh (di sana)

Mengikut kaedah nahu bahasa Arab, Kata Tunjuk adalah ism mabniyy kecuali ketika dalam keadaan Kata Nama Dual (المثنى), kata tersebut dii'rab seperti ism mu'rab. Contoh:

a) يَنْصَحُ الْمَدِيرُ هَذَيْنِ التَّلْمِيذَيْنِ (Pengetua menasihati dua orang pelajar ini)

→ Kata Tunjuk (هَذَيْنِ) dalam keadaan akusatif (المنصوب).

b) أَنْظُرْ إِلَى هَاتَيْنِ صُورَتَيْنِ (Lihatlah dua keping gambar ini)

→ Kata Tunjuk (هَاتَيْنِ) dalam keadaan genetif (المجرور).

#### 2.5.1.6 Kata Penghubung (الأسماء الموصولة)

Kata yang menunjukkan ke atas sesuatu tertentu dengan perantaraan ayat yang disebut selepas Kata Penghubung dan ayat ini dinamakan (صِلَةُ الْمُوصُولِ).

(Musāḥafa al-Ghala:yi:niy, 2005:1:98). Contoh :

نَجَحَ الَّذِي اجْتَهَدَ (Telah berjaya orang yang berusaha)

Kata Penghubung boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu :

a) Kata Penghubung Khas (الأَسْمَاءُ الْمُوصُولَةُ الْخَاصَّةُ)

Kata Penghubung Khas ialah kata yang boleh dijadikan mufrad, muthanna, jama', mudhakkar dan mu'annath mengikut kesesuaian ayat. Bahagian ini boleh dibahagikan pula kepada dua kategori berikut:

i) Mudhakkar atau Maskulin

Jadual 2.3 : Senarai Kata Penghubung Khas Untuk Mudhakkar

Bil	Nominatif (الْمَرْفُوعُ)	Akusatif (الْمَنْصُوبُ)	Genetif (الْمَجْرُورُ)	Penggunaan	Contoh
1	الَّذِي	الَّذِي	الَّذِي	seorang lelaki	هُوَ الَّذِي <u>مَحْمُودٌ</u>  (Dia seorang <u>yang</u> terpuji)
2	الَّذَانِ	الَّذَيْنِ	الَّذَيْنِ	dua orang lelaki	هُمَا <u>الَّذَانِ</u> <u>مَحْمُودَانِ</u>  (Mereka berdua orang <u>yang</u> terpuji)
3	الَّذِينَ	الَّذِينَ	الَّذِينَ	ramai lelaki	هُمُ <u>الَّذِينَ</u> <u>مَحْمُودُونَ</u>  (Mereka orang <u>yang</u> terpuji)

ii) Mu'annath atau Feminin

Jadual 2.4 : Senarai Kata Penghubung Khas Untuk Mu'annath

Bil	Nominatif (المَرْفُوعُ)	Akusatif (المَنْصُوبُ)	Genetif (المَجْرُورُ)	Penggunaan	Contoh
1	الَّتِي	الَّتِي	الَّتِي	seorang perempuan	هِيَ الَّتِي تَنْجَحُ (Dia yang berjaya)
2	التَّانِ	التَّانِي	التَّانِي	dua orang perempuan	هُمَا التَّانِ تَنْجَحَانِ (Mereka berdua yang berjaya)
3	اللَّاتِي اللَّوَاتِي اللَّائِي	اللَّاتِي اللَّوَاتِي اللَّائِي	اللَّاتِي اللَّوَاتِي اللَّائِي	ramai perempuan	هُنَّ اللَّاتِي يَنْجَحْنَ (Mereka yang berjaya)

Manakala Kata Penghubung (الألِي) digunakan untuk kata nama jama' bagi mudhakkar dan mu'annath, samada berakal atau tidak berakal.

a) Kata Penghubung Berkongsi (الأَسْمَاءُ الْمُؤَصُّوْلَةُ الْمِشْتَرِكَةُ)

Kata Penghubung yang menggunakan satu bentuk lafaz sahaja untuk menunjukkan keseluruhan, iaitu kata tersebut boleh menunjukkan lafaz ketika mufrad, muthanna, jama', mudhakkar dan mu'annath. Kata Penghubung tersebut seperti berikut :

Jadual 2.5 : Senarai Kata Penghubung Berkongsi (الأَسْمَاءُ الْمُؤَصُّوْلَةُ الْمُشْتَرَكَةُ)

Bil	Kata Penghubung Berkongsi (الأَسْمَاءُ الْمُؤَصُّوْلَةُ الْمُشْتَرَكَةُ)	Penggunaan	Contoh
1	مَنْ	untuk yang berakal	أَحْسِنِ إِلَى مَنْ أَحْسَنَ إِلَيْكَ (Berbuat baiklah kepada siapa yang berbuat baik kepada kamu)
2	مَا	untuk yang tidak berakal	لَا تَفْعَلْ مَا لَا يَنْفَعُكَ (Janganlah kamu melakukan sesuatu yang tidak bermanfaat kepadamu)
3	ذَا	untuk yang berakal dan tidak berakal	مَنْ ذَا اخْتَرَعَ السِّيَّارَةَ ؟ (Siapakah yang mencipta kereta ?)
4	أَيُّ	untuk yang berakal dan tidak berakal	اخْتَرِ الشَّرَابَ أَيُّمَا شِئْتَ (Pilihlah minuman yang kamu mahu)
5	ذُو	untuk yang berakal dan tidak berakal	أَكْرِمِ ذُوَ أَدَبٍ (Muliakanlah orang yang mempunyai adab)

2.5.1.7 Kata nama yang menerima fonem alif dan la:m(/ل/،/ا/). Contoh :

المباني (bangunan-bangunan itu)

→ Perkataan (المِيَابِي) dimulai dengan fonem alif dan la:m yang menjadikannya kata nama Ma‘rifat.

2.5.1.8 Kata nama yang disandarkan kepada kata nama Ma‘rifat. Contoh :

فِنَاءُ الْمَدْرَسَةِ (padang sekolah)

→ Perkataan (فِنَاءُ) adalah kata nama Nakirat yang disandarkan kepada kata nama Ma‘rifat (الْمَدْرَسَةُ). Dengan ini menjadikannya kata nama Ma‘rifat.

2.5.1.9 Kata Seru Definitif (المِنَادَى الْمُفْصُودُ)

Kata nama Nakirat yang terletak selepas kata seru yang berfungsi sebagai kata nama Ma‘rifat, jika ditentukan seseorang yang diseru. Contoh :

يَا تَلْمِيذُ (Wahai pelajar!)

→ Perkataan (تَلْمِيذُ) asalnya kata nama Nakirat, tetapi telah bertukar menjadi kata nama Ma‘rifat selepas didahului oleh kata seru yang dipanggil dengan sengaja dan ditentukan individu tersebut.

## 2.6 Pembahagian Kata Nama Dari Segi Bilangan

Ahli-ahli nahuan Arab membahagikan kata nama dari segi bilangan kepada 3 bahagian iaitu Kata Nama Tunggal (المُفْرَدُ), Kata Nama Dual (الْمَثْنَى) dan Kata Nama Jama‘ (الْجَمْعُ).

### 2.6.1 Kata Nama Tunggal (المُفْرَدُ)

‘Azi:zaṭ Fawwal Ba:batī: (1992:2:1033), mendefinisikan Kata Nama Tunggal sebagai :

"هُوَ مَا دَلَّ عَلَى وَاحِدٍ مِنَ الْإِنْسَانِ مِثْلُ امْرَأَةٍ، أَوْ مِنَ الْحَيَوَانَ مِثْلُ الْهَرِّ، أَوْ مِنَ الشَّيْءِ مِثْلُ الْقَلَمِ"

“Kata nama yang menunjukkan ke atas bilangan satu yang terdiri daripada manusia, haiwan atau sesuatu”.

#### 2.6.1.1 Jenis-jenis Kata Nama Tunggal :

- a) Kata Nama Khas yang terdiri daripada satu perkataan yang bukan murakkab.

Contoh :

مُنَى طَالِبَةٌ (Muna adalah seorang pelajar)

→ Perkataan Muna ialah Kata Nama Khas Tunggal.

- b) Kata Ganti Nama Pertama (الْمِتَكَلِّمُ), Kedua (المِخَاطَبُ) dan Ketiga (العَائِبُ) untuk

Kata Nama Tunggal. Contoh :

أَنَا (saya, bagi lelaki dan perempuan) ialah Kata Ganti Nama Pertama Tunggal

(الْمِتَكَلِّمُ).

أَنْتَ (awak, bagi lelaki) ialah Kata Ganti Nama Kedua Tunggal (المِخَاطَبُ).

هِيَ (dia, bagi perempuan) ialah Kata Ganti Nama Ketiga Tunggal (العَائِبُ).

- c) Kata Penghubung (اسْمُ الْمُؤْصُولِ) untuk Kata Nama Tunggal. Contoh :

(الَّذِي) lafaz untuk Kata Nama Tunggal Maskulin.

(الَّتِي) lafaz untuk Kata Nama Tunggal Feminin.

- d) Kata nama bilangan yang menunjukkan dari nombor 3 hingga 9, yang mana bilangan tunggal tidak bersepadan dengan perkara yang dibilang dari segi mudhakkar dan mu'annath. Contoh :

ثَلَاثَ تَفَاحَاتٍ (tiga biji epal)

- Dari segi mūta:baqa t (المطابَّعة), iaitu kesepadanan antara mudhakkar dan mu'annath pada bilangan (العدد) dan perkara yang dibilang (المعدود) adalah tidak sama. Bilangan (ثلاث) menjadi mudhakkar dan perkara yang dibilang (تفاحات) menjadi mu'annath. Begitulah sebaliknya, jika perkara yang dibilang adalah mudhakkar, maka bilangan menjadi mu'annath contohnya, سَبْعَةَ أَيَّامٍ (tujuh hari). Dalam contoh ini, bilangan menjadi mu'annath (سبعة) dan perkara yang dibilang menjadi mudhakkar (أيام).

## 2.6.2 Kata Nama Dual (المثنى)

Lafaz mu'rab yang menunjukkan bilangan dua bagi Kata Nama Maskulin dan Kata Nama Feminin yang sama pada lafaz dan makna dengan penambahan fonem alif dan nu:n (/ن/, /ا/) semasa nominatif (مرفوع), penambahan fonem ya:' dan nu:n (/ي/, /ا/) semasa akusatif (منصوب) dan genitif (مجرور).

Contoh :



Jadual 2.6 : Kata Nama Dual Semasa Fleksi Nominatif, Akusatif Dan Genetif

Bil	Kata Nama Tunggal	Nominatif (المَرْفُوعُ)	Akusatif (المَنْصُوبُ)	Genetif (المَجْرُورُ)
1	هَذِهِ امْرَأَةٌ (Ini seorang perempuan)	هَذِهِ امْرَأَتَانِ (Ini dua orang perempuan)		
2	تَقَطَّفُ الْوَرْدَةَ (Dia memetik sekuntum bunga)		تَقَطَّفُ الْوَرْدَتَيْنِ (Dia memetik dua kuntum bunga)	
3	حَضَرَ إِلَى الْحَفْلَةِ (Dia telah menghadiri satu majlis)			حَضَرَ إِلَى الْحَفْلَتَيْنِ (Dia telah menghadiri dua majlis)

2.6.2.1 Syarat-syarat kata nama yang boleh didualkan :

- a) Kata nama tersebut mestilah Kata Nama Tunggal. Manakala Kata Nama Dual dan Kata Nama Jama' tidak boleh didualkan. Contoh :

الْحَقِيْبَةُ (sebuah beg) → الْحَقِيْبَتَانِ (dua buah beg)

→ Perkataan (الْحَقِيْبَةُ) adalah Kata Nama Tunggal dan didualkan menjadi (الْحَقِيْبَتَانِ).

- b) Kata nama yang boleh dimu'rabkan (perkataan yang berubah baris pada huruf akhirnya) iaitu bukan kata nama yang mabniyy. Contoh :

i) Semasa nominatif kata nama dual ditambah fonem alif dan nu:n (/ن/،/ا/).

جَاءَ الْمُهَنْدِسَانِ (Telah datang dua orang jurutera)

Perkataan ( المِهْنِدِسَانِ ) adalah kata nama tunggal dari perkataan ( المِهْنِدِسُ ), yang telah didualkan dengan penambahan fonem alif ( ا ) dan nu:n ( ن ) pada huruf akhirnya, semasa nominatif.

ii) Semasa akusatif kata nama dual ditambah fonem ya:' dan nu:n ( /ي/, /ن/ ).

رَأَيْتُ المِهْنِدِسَيْنِ (Saya telah melihat dua orang jurutera)

Perkataan ( المِهْنِدِسَيْنِ ) adalah kata nama tunggal dari perkataan ( المِهْنِدِسُ ), yang telah didualkan dengan penambahan fonem ya:' ( ي ) dan nu:n ( ن ) pada huruf akhirnya, semasa akusatif.

c) Kata nama yang nakirat. Contoh :

عَامِلٌ (seorang pekerja) → عَامِلَانِ (dua orang pekerja)

d) Kata nama bukan tarkib iaitu kata nama murakkab sama ada Murakkab Mazjiyy

( مُرَكَّبٌ مَزْجِيٌّ ) seperti مَعْدٌ يَكْرَبُ, atau Murakkab Isna:diyy ( مُرَكَّبٌ إِسْنَادِيٌّ ) seperti

جَادُ الرَّبِّ, atau Murakkab [d]a:fiyy ( مُرَكَّبٌ إِضَائِيٌّ ) seperti عَبْدُ اللَّهِ, tidak boleh

didualkan secara langsung melainkan dengan kaedah yang tertentu seperti berikut :

i) Kata nama Murakkab Mazjiyy dan Murakkab Isna:diyy, ketika didualkan mestilah didahului oleh perkataan ( ذَوْا ) bagi Kata Nama

Maskulin dan ( ذَوَاتَا ) bagi Kata Nama Feminin.

- ii) Kata nama Murakkab **Idfiyy**, hanya perkataan yang pertama didualkan seperti عَبْدُ اللَّهِ (dua orang yang bernama ‘Abdullah).

(Muh **ammad** **‘Aid**, 2005:53-54)

- e) Kedua-kedua kata nama mempunyai persamaan pada lafaz dan makna.

Contoh :

Perkataan الْجِدَارُ (dinding) dan الْعُرْفَةُ (bilik), tidak boleh didualkan kerana tidak sama dari segi lafaz dan makna.

- f) Kata nama yang didualkan mestilah wujud lebih daripada satu bilangan yang serupa dengannya. Contoh :

Perkataan الشَّمْسُ (matahari) dan الْقَمَرُ (bulan) tidak boleh didualkan kerana kedua-duanya adalah objek tunggal.

2.6.2.2 Terdapat beberapa perkataan yang menyerupai kata nama dual dari segi bentuk, tetapi tidak dari segi makna. Perkataan-perkataan tersebut dinamakan Mulh **aq** al-Muthanna (مُلْحَقُ الْمُثَنَّى), kerana tidak menepati syarat-syarat muthanna antaranya:

- a) Kata Tunjuk (اسْمُ الْإِشَارَةِ). Contoh :

هَذَانِ lafaz yang bermaksud ( ini) untuk dua orang lelaki.

هَاتَانِ lafaz yang bermaksud (ini) untuk dua orang perempuan.

- b) Kata Penghubung (الاسْمُ الْمُؤَصَّلُ). Contoh :

الَّذَانِ lafaz bermaksud (yang) untuk dua orang lelaki.

36

الَّتَانِ lafaz bermaksud (yang) untuk dua orang perempuan.

Kata Tunjuk dan Kata Penghubung adalah ism mabniyy, sedangkan syarat untuk menjadikan kata nama sebagai Kata Nama Dual mestilah ism mu'rab. Oleh itu, Kata Tunjuk dan Kata Penghubung adalah Mulh□aq al-Muthanna.

b) Perkataan (اثنان، اثنتان) yang bermaksud bilangan dua tidak terdapat kata tunggal bagi kedua-dua perkataan ini, tetapi semasa i'ra:b mengikut i'ra:b muthanna.

c) Perkataan (كِلَا، كِلْتَا) yang bermaksud kedua-duanya dan tidak terdapat kata tunggal bagi perkataan ini. Semasa i'ra:b mengikut i'ra:b muthanna bila disandarkan kepada d□ami:r. Contd :

أَحْبَبْتُ الصَّدِيقَيْنِ كِلَيْهِمَا (Saya menyayangi kedua-dua orang sahabat itu)

d) Kata nama yang telah dinamakan menyerupai bentuk Kata Nama Dual.

Contoh :

(مُحَمَّدَيْنِ - عَزَّيْنِ - حَسَنَيْنِ)

Kesemua perkataan ini dari segi makna merujuk kepada nama seorang individu, bukannya dua orang individu yang berlainan.

### 2.6.3 Kata Nama Jama' (الْجَمْعُ)

'Azi:zaṭ Fawwa:l Ba:bati (1992:1:416), mendefinisikan Kata Nama Jama' sebagai :

"هُوَ الْاسْمُ الَّذِي يَدُلُّ عَلَى اثْنَيْنِ فَأَكْثَرَ مِنْ اثْنَيْنِ إِمَّا بزيادةٍ مُعَيَّنَةٍ، عَلَى صُورَةٍ مُفْرَدَةٍ فِي آخِرِهِ مِثْلُ

(مُعَلِّمٌ مُعَلِّمُونَ مُعَلِّمِينَ) وَ (مُعَلِّمَةٌ مُعَلِّمَاتٌ) أَوْ بِتَغْيِيرِ فِي الْحَرَكَاتِ مِثْلُ (أَسَدٌ أَسَدٌ) أَوْ بِنَقْصِ

أَحَدِ حُرُوفِ الْمُفْرَدِ مِثْلُ (كِتَابٌ كُتُبٌ) أَوْ بِزِيَادَةِ حَرْفٍ مِثْلُ (نَفْسٌ أَنْفُسٌ) "

37

Iaitu kata nama yang menunjukkan bilangan lebih daripada dua yang berubah bentuk Kata Nama Tunggalnya, melalui salah satu daripada cara berikut :

- a) Penambahan fonem tertentu pada bentuk Kata Nama Tunggal di akhir perkataan.

Contoh :

Kata Nama Tunggal

Kata Nama Jama‘

المُعَلِّمُ

المُعَلِّمُونَ

المُعَلِّمَةُ

المُعَلِّمَاتُ

- b) Perubahan pada baris perkataan Kata Nama Tunggal. Contoh :

Kata Nama Tunggal

Kata Nama Jama‘

الْأَسَدُ

الْأَسَدُ

- c) Pengguguran salah satu huruf pada perkataan Kata Nama Tunggal. Contoh:

Kata Nama Tunggal

Kata Nama Jama‘

الْكِتَابُ

الْكِتُوبُ

- d) Penambahan huruf pada perkataan kata nama tunggal. Contoh :

Kata Nama Tunggal

Kata Nama Jama‘

النَّفْسُ

الْأَنْفُسُ

Kata Nama Jama‘ terbahagi pula kepada 3 bahagian, iaitu:

### 2.6.3.1 Jama‘ Mudhakkar Sa:lim (جَمْعُ الْمَذَكَّرِ السَّالِمِ)

Jama' Mudhakkar Sa:lim ialah kata nama yang menunjukkan lebih daripada bilangan

dua dengan penambahan fonem wa:w dan nu:n (/و،/،/ن/) semasa nominatif (مُفْرَعٌ) 38

fonem ya:' dan nu:n (/ي،/،/ن/) semasa akusatif (مَنْصُوبٌ) dan genetif (مَجْرُورٌ). Contoh :

Jadual 2.7 : Jama' Mudhakkar Sa:lim Semasa Fleksi Nominatif, Akusatif Dan Genetif

Bil	Nominatif (المُفْرَعُ)	Akusatif (المَنْصُوبُ)	Genetif (المَجْرُورُ)
1	حَضَرَ الحَاضِرُونَ (Telah hadir para hadirin)	أَكْرَمَ المَعْلَمِينَ (Muliakanlah para guru)	أَحْسَنَ إِلَى المُسْلِمِينَ (Berbuat baiklah kepada orang-orang Islam)

Syarat-syarat Jama' Mudhakkar Sa:lim :

- Kata nama yang dijama'kan mestilah menunjukkan bilangan tiga atau lebih.
- Kata Nama Khas (اسْمُ العَلَمِ) yang dijama'kan mestilah menunjukkan maskulin, yang berakal, tidak mengandungi fonem ta:' ta'ni:th (التَّائِيثُ) dan bukannya perkataan murakkab. Contoh :

مَاجِدٌ (nama seorang lelaki)

→ مَاجِدُونَ (nama ramai lelaki yang mempunyai nama yang sama)

- Kata Nama Sifat yang dijama'kan mestilah menunjukkan maskulin yang berakal dan tidak mengandungi fonem ta:' ta'ni:th (التَّائِيثُ) atau berbentuk Kata

Nama Tafdil (اسْمُ التَّفْذِيلِ). Contoh :

فَاهِمٌ (seorang lelaki yang memahami), Kata Nama Sifat.

→ فَاهِمُونَ (ramai lelaki yang memahami)

أَشْرَفَ (seorang yang paling mulia), Kata Nama Tafdīl.

→ أَشْرَفُونَ (ramai orang yang paling mulia)

- d) Bentuk Kata Nama Tunggal kekal dari segi bentuk dan susunannya selepas dijama'kan. Contoh :

Kata Nama Tunggal

مُسَافِرٌ

Kata Nama Jama'

مُسَافِرُونَ

Bentuk dan susunan perkataan (مُسَافِرُونَ) selepas dijama'kan adalah kekal seperti dalam keadaan mufrad dengan penambahan fonem waw dan nu:n (/و/،/ن/) di akhir perkataan tersebut.

Terdapat beberapa perkataan yang menyerupai Jama' Mudhakkār Sa:lim dari segi bentuk, tetapi tidak dari segi makna. Perkataan-perkataan ini dinamakan Muḥāq Jama' Mudhakkār Sa:lim (مُلْحَقُ جَمْعِ الْمَذْكَرِ السَّلَامِ), kerana tidak menepati syarat-syarat

Jama' Mudhakkār Salim, antaranya :

- a) Perkataan (أُولُو), yang bermaksud (أَصْحَابُ). Contoh :

أُولُو الْعَرِيْمَةِ (yang mempunyai keazaman)

- b) Perkataan yang menunjukkan Jama' Taksi:r (جَمْعُ التَّكْسِيرِ). Contoh :

بُنُونٌ - أَرْضُونٌ - سُنُونٌ - بَابُهُ

- c) Perkataan-perkataan jama' yang tidak menepati syarat-syarat Jama' Mudhakkar

Sa:lim. Contoh :

أَهْلُونَ - وَابِلُونَ

- d) Perkataan yang dinamakan dengan menyerupai bentuk Jama' Mudhakkar Sa:lim.

Contoh :

عَابِدِينَ - زَيْدُونَ - سَعْدُونَ - حَمْدُونَ

(Ahmad al-Ha:shimi:y,1998:47).

### 2.6.3.2 Jama' Mu'annath Sa:lim (جَمْعُ الْمُؤَنَّثِ السَّلِيمِ)

Muhammad Aid (2005:64) memberikan takrif Jama' Mu'annath Salim sebagai :

"كُلُّ اسْمٍ دَلَّ عَلَى أَكْثَرِ مِنْ اثْنَيْنِ مَعَ سَلَامَةِ مُفْرَدِهِ وَزِيَادَةِ أَلِفٍ وَ تَاءٍ فِي آخِرِهِ"

"Setiap kata nama yang menunjukkan bilangan lebih daripada dua, yang mana bentuk kata tunggalnya kekal dengan penambahan fonem alif dan ta: (/ا/,/ت/) di akhir perkataan ”.

Dari segi i'rab, Jama' Muannath Sa:lim semasa nominatif (المَرْفُوعُ) fonem ta: (تْ)

berbaris di depan, semasa akusatif (المَنْصُوبُ) dan genetif (المَجْرُورُ) fonem ta: (تْ)

berbaris di bawah. Contoh :



Jadual 2.8 : Jama‘Muannath Sa:lim Semasa Fleksi Nominatif, Akusatif Dan Genetif

Bil	Nominatif (المَرْفُوعُ)	Akusatif (الْمَنْصُوبُ)	Genetif (المَجْرُورُ)
1	الْبَنَاتُ جَالِسَاتٌ (Anak-anak perempuan itu duduk)	يَزْرَعُ الْفَلَاحُ الْحَضْرَوَاتِ (Petani menanam sayur-sayuran)	سَلَّمْتُ عَلَى الْمُسْلِمَاتِ (Saya memberi salam kepada para muslimat)

Ketika pembentukan Jama‘ Mu’annath Sa:lim fonem ta:’ marbu:t (التَّاءُ الْمَرْبُوطَةُ) di akhir perkataan tunggal digugurkan dan ditambah dengan fonem alif dan ta: (/ا/،/ت/), seperti perkataan (طَبِيبَةٌ) dijadikan Jama‘ Mu’annath Sa:lim (طَبِيبَاتٌ), bukannya (طَبِيبَات).

Syarat-syarat Jama‘ Mu’annath Sa:lim :

a) Kata Nama Feminin yang berakhir dengan fonem ta:’ marbu:t (التَّاءُ الْمَرْبُوطَةُ)

(التَّاءُ الْمَرْبُوطَةُ), sama ada feminin pada makna atau lafaz. Contoh :

حَدِيحَةٌ (nama seorang perempuan), feminin pada lafaz dan makna.

حَمْرَةٌ (nama seorang lelaki), feminin pada lafaz sahaja, tetapi tidak pada makna.

b) Kata Nama Feminin yang tergolong dalam Ism Maqṣu:r (اسْمُ الْمُقْصُورِ), dan Ism

Mamdu:d (اسْمُ الْمَمْدُودِ). Contoh :

(لَيْلِيَّاتُ - بُحْوَى) Ism Maqṣu:r, dijama‘kan Mu’annath Sa:lim menjadi (لَيْلِيَّاتُ - بُحْوَيَاتُ)

(بُحْوَيَاتُ)

(لَمِيَاءُ - سَمْرَاءُ) Ism Mamdu:d, dijama‘kan Mu’annath Sa:lim menjadi

(لَمِيَاوَات - سَمْرَاوَات)

- c) Kata Nama Feminin dari segi makna, bukan dari segi lafaz. Contoh :

(زَيْنَبَاتُ - اَيْسَامَاتُ) dijama'kan Mu'annath Salim (زَيْنَبُ - اَيْسَامُ)

- d) Kata Nama Ism al-Jins (اسْمُ الْجِنْسِ) bagi yang tidak berakal. Contoh :

(مَطَارَاتُ - وَاجِبَاتُ) dijama'kan Mu'annath Sa:lim (مَطْرٌ - وَاجِبٌ)

- e) Kata Nama Feminin yang dijama'kan mestilah menunjukkan bilangan tiga atau lebih. Contoh :

Kata Nama Mufrad Mu'annath

Kata Nama Jama' Mu'annath Sali:m

نَشِيْطَةٌ

نَشِيْطَاتٌ

(seorang perempuan yang aktif)

(ramai perempuan yang aktif)

- f) Kata nama yang menunjukkan feminin dari segi lafaz dan makna. Contoh :

Kata Nama Mufrad Mu'annath

Kata Nama Jama' Mu'annath Sali:m

كَرِيْمَةٌ

كَرِيْمَاتٌ

(seorang perempuan yang mulia)

(ramai perempuan yang mulia)

- g) Bentuk Kata Nama Tunggal Feminin kekal dari segi bentuk dan susunannya selepas dijadikan Jama' Mu'annath Sa:lim. Contoh :

Kata Nama Mufrad Muannath

Kata Nama Jama' Mu'annath Sali:m

مُمْرِضَةٌ

مُمْرِضَاتٌ

(seorang jururawat)

(ramai jururawat)

Bentuk dan susunan perkataan (مُرَصَّاتٌ) selepas dijama'kan adalah kekal seperti dalam

43

keadaan tunggal feminin, dengan penambahan fonem alif dan ta:’ (/ا/،/ت/) di

perkataan.

Terdapat juga kata nama bahasa Arab yang mengikut bentuk Jama’ Mu’annath Sa:lim, tetapi perkataan tersebut bukan Jama’ Mu’annath Sa:lim yang sebenarnya. Perkataan-perkataan ini dinamakan Mulḥaq Jama’ Mu’anna th Sa:lim (مُلْحَقُ جَمْعِ الْمُؤَنَّثِ السَّلَامِ)

kerana mengikut i’ra:b Jama’ Mu’annath Sa:lim antaranya:

- a) Perkataan (أُولَاتٌ) yang bermaksud (صَاحِبَاتٌ), iaitu mempunyai. Contoh :

أُولَاتُ الْعِفَّةِ ( yang mempunyai maruah)

- b) Perkataan yang dinamakan menyerupai bentuk Jama’ Mu’annath Sa:lim.

Contoh :

عَرَفَاتٌ (‘Arafah ialah nama tempat wukuf para jemaah haji)

(Muḥammad‘Aiḍ, 2005:67-68)

### 2.6.3.3 Jama’ Taksi:r (جَمْعُ التَّكْسِيرِ)

Jama’ Taksi:r ialah kata nama yang menunjukkan bilangan lebih daripada tiga, yang tidak berubah makna dan bentuk susunan asalnya melalui salah satu daripada cara berikut :

- a) Penambahan satu atau lebih fonem pada perkataan asal, iaitu Kata Nama Tunggal. Contoh :

Kata Nama Tunggal

دَرْسٌ

(satu pelajaran)

Kata Nama Jama' Taksi:r

دُرُوسٌ

(banyak pelajaran)

44

- b) Pengguguran satu fonem daripada perkataan asal, Kata Nama Tunggal. Contoh :

Kata Nama Tunggal

سِتَّارٌ

(sehelai tirai)

Kata Nama Jama' Taksi:r

سِتْرٌ

(beberapa helai tirai)

- c) Perubahan bentuk pada perkataan asal, Kata Nama Tunggal. Contoh :

Kata Nama Tunggal

عَنِيٌّ

(seorang kaya)

Kata Nama Jama' Taksi:r

أَعْنِيَاءٌ

(ramai orang kaya)

- d) Perubahan baris pada perkataan asal, Kata Nama Tunggal. Contoh :

Kata Nama Tunggal

أَسَدٌ

(seekor singa)

Kata Nama Jama' Taksi:r

أَسْدٌ

(beberapa ekor singa)

Jama' Taksi:r terbahagi kepada dua kategori iaitu :

- a) (جَمْعُ الْقَلَّةِ)

Kata yang menunjukkan kepada bilangan yang tertentu, yang tidak kurang daripada tiga dan tidak melebihi sepuluh, yang mengandungi empat pola, iaitu :

Bil	Pola Jama' Taksi:r (جَمْعُ القِلَّةِ)	Contoh
1	أَفْعَلَةٌ	أَعْمَدَةٌ، أَطْعِمَةٌ
2	أَفْعُلٌ	أَعْيُنٌ، أَنْفُسٌ
3	فِعْلَةٌ	صَبِيَّةٌ، فِتْيَةٌ
4	أَفْعَالٌ	أَجْناسٌ، أَعْنَاقٌ

(b) (جَمْعُ الكَثْرَةِ)

Kata yang menunjukkan kepada bilangan yang melebihi tiga dan tidak terbatas hingga sebanyak-banyaknya. Pola-pola Jama' al-Kathrat seperti berikut:

- i) Jama' Taksi:r yang menunjukkan sifat bagi mudhakkar yang berakal mengandungi lima pola, iaitu :

Jadual 2.10 : Pola Jama' Taksi:r (جَمْعُ الكَثْرَةِ) Bagi Mudhakkar Yang Berakal

Bil	Pola Jama' Taksi:r Sifat Mudhakkar Berakal	Contoh
1	فُعَلَةٌ	هُدَاةٌ، فُضَاةٌ
2	فُعَلَاءٌ	عُرَبَاءٌ، كُرَمَاءٌ
3	فَعَلَةٌ	كَمَلَةٌ، سَفَرَةٌ

4	فُعَالٌ	كُتِّبَ، فُؤَامٌ
5	أَفْعِلَاءٌ	أَعْنِيَاءٌ، أَوْلِيَاءٌ

ii) Pola (فُعَالٌ)

46

Jama' bagi Ṣifa t̄ Mushabbahat (صِفَةٌ مُشَبَّهَةٌ) yang menggunakan pola (فُعَالٌ) atau

(فَعْلَاءٌ). Contoh :

فُعَالٌ → أَحْمَرٌ - حَمْرَاءٌ - حُمْرٌ

فُعَالٌ → أَعْوَرَ - عَوْرَاءٌ - عُوْرٌ

iii) Pola (فَعَالٌ) dan (فُعُولٌ).

Jama' yang menggunakan pola (فَعَالٌ) atau (فُعُولٌ). Contoh :

فَعَالٌ → جَمَلٌ - جِمَالٌ

فُعُولٌ → قَلْبٌ - قُلُوبٌ

iv) (مُنْتَهَى الْجُمُوعِ)

Kata Nama Jama' yang selepas fonem alif taksi:r mengandungi dua atau tiga huruf yang mana huruf tengahnya berbaris mati. Contoh :

دِنَارٌ → دِنَانِيْرٌ

Kata Nama Jama' (مُنْتَهَى الْجُمُوعِ) mengandungi 19 pola, seperti berikut :

Jadual 2.11 : Kata Nama Jama ‘ (مُنْتَهَى الْجُمُوعِ)

Bil	Pola (مُنْتَهَى الْجُمُوعِ)	Contoh
1	فَعَالِل	عَنَادِل، سَفَارِج

Jadual 2.11, sambungan

2	فَعَالِيل	فَنَادِيل، فَرَاتِيس
3	أَفَاعِل	أَنَامِل، أَفَاضِل
4	أَفَاعِيل	أَسَالِيْب، أَنَاثِيْد
5	تَفَاعِل	بَحَارِب، تَنَابِل
6	تَفَاعِيل	تَسَائِيْح، تَفَاسِيْم
7	مَفَاعِل	مَسَاجِد، مَذَاهِب
8	مَفَاعِيل	مَصَائِيْح، مَعَائِيْش
9	يَفَاعِل	يَحَامِد، يِعَامِل
10	يَفَاعِيل	يَحَامِيْم، يَنَابِيْع
11	فَوَاعِل	خَوَاتِم، حَوَائِز
12	فَوَاعِيل	طَوَاحِيْن، طَوَامِيْر
13	فِيَاعِل	صِيَارِف، هَيَازِع
14	فِيَاعِيل	دِيَاحِيْر، صِيَادِيْح
15	فَعَائِل	رَسَائِل، صَحَائِف
16	فَعَالَى	عَدَارَى، عَضَابَى
17	فَعَالِي	تَرَاقِ، مَوَام
18	فُعَالَى	سُكَارَى، عَضَابَى
19	فَعَالِيَّ	قَمَارِيَّ، كَرَسِيَّ

(Mushtafa al-Ghala:yi:niy, 2005:2:33-41)

## 2.7 Pembahagian Kata Nama Dari Aspek Gender

Kata nama bahasa Arab juga mempunyai unsur gender iaitu maskulin (المذَكَّرُ) dan feminin (المؤنَّثُ), yang merangkumi semua kata nama samada manusia, haiwan, benda,



sifat dan sebagainya.

### 2.7.1 Kata Nama Maskulin (المذكَّر)

Menurut 'Azi:zaṭ Fawwa:l Ba:baṭi (1992:2:961), Kata Nama Maskulin merujuk kepada sesuatu yang menunjukkan kepada maskulin samada manusia, haiwan atau benda.

Contoh :

(عَبْدُ الرَّحِيمِ) nama seorang lelaki.

(تَمْرٌ - قِطٌّ) jenis haiwan.

(مَكْتَبٌ - مَنْزِلٌ) benda-benda bukan hidup.

#### 2.7.1.2 Jenis-jenis Kata Nama Maskulin :

a) al-Mudhakkar al-Haqiqiyy (المذكَّر الحَقِيقِيّ)

Kata nama yang menunjukkan maskulin sebenar dari segi lafaz dan makna dan terdapat kata nama feminin daripada jenisnya. Contoh :

أَخٌ (saudara lelaki)

→ Perkataan (أَخٌ) adalah kata nama maskulin sebenar dari segi lafaz dan makna

serta terdapat kata nama feminin daripada jenisnya iaitu (أُخْتٌ) yang bermaksud saudara perempuan.

b) al-Mudhakkar al-Dhātīyy (المذكَّر الذَّائِيّ)

Kata nama yang menunjukkan maskulin dari segi lafaz dan makna tanpa perlu disandarkan pada perkataan lain untuk menjadikannya maskulin. Contoh :

مَاجِدٌ (nama seorang lelaki)

→ Perkataan (مَاجِدٌ) adalah kata nama maskulin dari segi lafaz dan makna, tanpa perlu disandarkan kepada perkataan lain untuk menjadikannya kata nama maskulin.

b) al-Mudhakkar al-Maja:ziyy (المَذَكَّرُ المِجَازِيُّ)

Kata nama maskulin yang tidak terdapat kata nama feminin daripada jenisnya. Contoh :

نَهْرٌ (sungai)

لَيْلٌ (malam)

→ Perkataan (نَهْرٌ) dan (لَيْلٌ) adalah kata nama yang tidak mempunyai tanda feminin dan tidak ada kata nama feminin daripada jenisnya.

c) al-Mudhakkar al-Hukmiyy (المَذَكَّرُ الحُكْمِيُّ)

Sesuatu yang diusahakan untuk dijadikan kata nama maskulin dengan menyandarkannya kepada kata nama maskulin, yang sebenarnya adalah kata nama feminin. Contoh :

Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam surah al-A'raf : 56

{ إِنَّ رَحْمَةَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ }

Yang bermaksud : “*Sesungguhnya rahmat Allah itu amat dekat kepada orang-orang yang berbuat baik*”.

→ Dalam ayat ini, perkataan (رَحْمَةً) adalah kata nama feminin yang disandarkan kepada perkataan (فَرِيْبٌ) kata nama maskulin, yang menjadikannya kata nama maskulin.

### 2.7.2 Kata Nama Feminin (المؤنث)

Kata nama feminin adalah kata nama yang berlawanan dengan kata nama maskulin, yang menunjukkan kepada feminin dari segi lafaz dan makna dengan salah satu daripada tanda-tanda yang berikut :

a) Kata nama yang mempunyai fonem ta:' marbu:t t (التاء المربوطه) di akhir

perkataan. Contoh :

كاتبه (penulis perempuan)

→ Perkataan (كاتبه) diakhiri dengan fonem ta:' marbu:t t (التاء المربوطه) yang

menunjukkannya kata nama feminin.

b) Kata nama yang mempunyai fonem alif ta'ni:th maqs'u:ra (ألف التانيث المقصورة)

di akhir perkataan. Contoh :

فتى - هدى - مئى (nama seorang perempuan)

→ Kesemua perkataan ini berakhir dengan fonem alif maqs'u:ra (ألف التانيث)

المقصورة)

yang menunjukkan tanda feminin.

- c) Kata nama yang mempunyai fonem alif ta'ni:th mamdu:dat (أَلِفُ التَّأْنِيثِ الْمَمْدُودَةِ)

yang diikuti dengan huruf hamzah di akhir perkataan. Contoh:

حَمْرَاءٌ - نِدَاءٌ - غِطَاءٌ

→ Kesemua perkataan ini berakhir dengan fonem alif ta'ni:th mamdu:dat

(أَلِفُ التَّأْنِيثِ الْمَمْدُودَةِ) yang menunjukkan tanda feminin.

#### 2.7.2.1 Penggunaan Ta:' Marbu:ta t (التَّاءُ الْمَرْبُوطَةُ) di akhir perkataan Kata Nama

Feminin seperti berikut :

- a) Ta:' Marbu:ta t (التَّاءُ الْمَرْبُوطَةُ) di akhir Kata Nama Sifat untuk membezakan antara

Kata Nama Feminin dan Kata Nama Maskulin. Contoh :

طَالِبٌ عَاقِلٌ (seorang pelajar lelaki yang cerdik)

طَالِبَةٌ عَاقِلَةٌ (seorang pelajar perempuan yang cerdik)

- b) Penambahan Ta:' al-Marbu:ta t (التَّاءُ الْمَرْبُوطَةُ) untuk menunjukkan salah satu

benda dari jenis atau kumpulan yang sama. Contoh :

تَمْرٌ (buah kurma)

تَمْرَةٌ (sebiji buah kurma)

- c) Penambahan Ta:' Marbu:ta t (التَّاءُ الْمَرْبُوطَةُ) untuk muba:laghat (المِبَالَعَةُ) iaitu ciri

yang berlebih-lebihan pada seseorang atau sesuatu yang melakukan sesuatu perbuatan. Contoh :

فَهَامَةٌ (seorang yang amat memahami)

- d) Penambahan Ta:’ Marbu:  $\text{t} \text{a} \text{t}$  (التَّاءُ المَرْبُوطَةُ) untuk menggantikan (بَدَلٌ) fonem ya:’

(الْيَاءُ) pada pola (مَفَاعِيلٌ). Contoh :

زَنَادِقَةٌ (kumpulan Zindiq)

- Perkataan asal (زَنَادِقَةٌ) adalah (زَنَادِيقٌ) yang mengikut pola (مَفَاعِيلٌ), tetapi fonem

ya:’ (الْيَاءُ) telah digugurkan digantikan dengan fonem Ta:’ Marbu:  $\text{t} \text{a} \text{t}$  (التَّاءُ

المَرْبُوطَةُ).

- e) Penambahan Ta:’ Marbu:  $\text{t} \text{a} \text{t}$  (التَّاءُ المَرْبُوطَةُ) untuk menggantikan fonem Ya:’ al-

Nisbat (يَاءُ النِّسْبَةِ). Contoh :

دِمَاشِقَةٌ (dinisbahkan pada nama tempat, iaitu Damshi:q)

- Perkataan asal (دِمَاشِقَةٌ) adalah (دِمَاشِيقِي), tetapi fonem ya:’ (الْيَاءُ) telah digugurkan

dan digantikan dengan fonem Ta’ Marbu:  $\text{t} \text{a} \text{t}$  (التَّاءُ المَرْبُوطَةُ).

- f) Menggantikan fonem pada pola asal yang digugurkan sama ada fonem fa:’ (الْفَاءُ)

atau ‘ayn (الْعَيْنُ) atau la:m (اللام) al-Kalimat (الكَلِمَةُ). Contoh :

عِدَّةٌ → Perkataan asal (وَعَدَةٌ), fonem fa:’ al-Kalimat digugurkan.

إِقَامَةٌ → Perkataan asal (إِقْوَام), fonem ‘ayn al-Kalimaṭ digugurkan. 53

لُعَّةٌ → Perkataan asal (لُعُوم), fonem la:m al-Kalimaṭ digugurkan.

#### 2.7.2.2 Jenis-jenis Kata Nama Feminin :

a) al-Mu’annath al-Haqi:qiyy (المؤنثُ الحَقِيقِيُّ)

Kata nama yang menunjukkan ke atas feminin dari segi lafaz dan makna serta mempunyai kata nama maskulin daripada jenisnya. Contoh :

بِنْتُ (anak perempuan)

→ Perkataan (بِنْتُ) adalah kata nama feminin sebenar dari segi lafaz dan makna serta terdapat kata nama maskulin daripada jenisnya iaitu (ابْنٌ) yang bermaksud anak lelaki.

b) al-Mu’annath al-Dha:tiyy (المؤنثُ الدَّائِيُّ)

Kata nama yang menunjukkan feminin tanpa menyandarkannya kepada yang lain. Contoh:

فَاطِمَةٌ (nama seorang perempuan)

→ Perkataan (فَاطِمَةٌ) adalah kata nama feminin dari segi lafaz dan makna, tanpa perlu disandarkan perkataan tersebut kepada perkataan lain.

c) al-Mu’annath al-Maja:ziyy (المؤنثُ المِجَازِيُّ)

Kata nama yang tidak mempunyai tanda ta:' ta'ni:th ( التَّاءُ التَّانِيثُ ) dan tidak terdapat kata nama maskulin daripada jenisnya. Contoh :

عَيْنٌ (mata)

شَمْسٌ (matahari)

→ Perkataan (عَيْنٌ) dan (شَمْسٌ) adalah kata nama yang tidak mempunyai tanda feminin dan tidak ada kata nama maskulin daripada jenisnya.

d) al-Mu'annath al-Hukmiyy (المؤنث الحكمي)

Kata nama yang menunjukkan feminin pada makna, tetapi tidak terdapat tanda-tanda feminin padanya dan dari segi lafaz seolah-olah kata nama maskulin. Contoh :

هِنْدٌ (nama seorang perempuan)

مَرْيَمٌ (nama seorang perempuan)

→ Perkataan (هِنْدٌ) dan (مَرْيَمٌ) adalah kata nama feminin dari segi makna, walaupun dari segi lafaz seolah-olah kata nama maskulin.

2.7.2.3 Menurut Musqafa al-Ghala:yi:niy (2005:1:78) terdapat tujuh pola Kata Nama

Sifat yang dikecualikan daripada menerima fonem Ta:' Marbu:t (التَّاءُ المرْبُوطَةُ).

Oleh itu, kesemua pola tersebut boleh digunakan untuk memberi maksud sama ada maskulin atau feminin.

- a) Kata Nama Sifat yang menggunakan pola (فَعُولٌ), yang bermaksud (فَاعِلٌ).

Contoh :

صَبُورٌ (yang sabar)

- b) Kata Nama Sifat yang menggunakan pola (فَعِيلٌ), yang bermaksud (مَفْعُولٌ).

Contoh :

جَرِيحٌ (yang luka)

- c) Kata Nama Sifat yang menggunakan pola (فَعْلٌ), yang bermaksud (مَفْعُولٌ).

Contoh :

طِحْنٌ (yang digiling)

- d) Kata Nama Sifat yang menggunakan pola (فَعَالٌ), yang bermaksud (مَفْعُولٌ).

Contoh :

جَزْرٌ (yang disembelih)

- e) Kata Nama Sifat yang menggunakan pola (مَفْعَالٌ). Contoh :

مَقْوَالٌ (yang elok percakapannya)

- f) Kata Nama Sifat yang menggunakan pola (مَفْعِيلٌ). Contoh :

مِعْطِيرٌ (yang berbau harum)

- g) Kata Nama Sifat yang menggunakan pola (مَفْعَالٌ). Contoh :



مِعْشَمٌ (yang gagah berani)

Jika Kata Sifat ini digunakan untuk feminin, tidak perlu ditambah fonem Ta:’ Marbu:tā di akhir perkataan tersebut, seperti (امْرَأَةٌ صَبُورَةٌ) yang bermaksud seorang perempuan yang sabar dan bukannya (امْرَأَةٌ صَبُورَةٌ) kerana pola Kata Sifat ini dikecualikan daripada menerima fonem Ta:’ Marbu:tā untuk menunjukkan perkataan tersebut adalah feminin.

## 2.8 Penutup

Dalam bab ini penyelidik telah mengemukakan kupasan dan perbincangan tentang tinjauan kajian tempatan berkaitan penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar. Seterusnya diikuti dengan huraian pembahagian kata nama bahasa Arab dari beberapa aspek yang telah ditentukan iaitu ketentuan (التَّعْيِينُ), bilangan (العَدَدُ) dan (النَّوْعُ) berserta definisi, syarat-syarat dan contoh-contoh yang berkenaan bagi setiap bahagian.